

ELEMEN DUALISME DALAM PERIBAHASA: PENDEKATAN SEMANTIK INKUISITIF

(Elements of Dualism in Malay Proverbs: An Inquisitive Semantics Approach)

Julaina Nopiah
julaina@gmail.com

Nor Hashimah Jalaluddin
shima@ukm.edu.my

Junaini Kasdan
junaini@ukm.edu.my

Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abstrak

Makalah ini bertujuan mengenal pasti elemen dualisme yang ditonjolkan melalui objek dan imej berpasangan dalam peribahasa Melayu. Berdasarkan data, terdapat 31 peribahasa daripada 4359 peribahasa yang mengandungi elemen dualisme. Makalah akan menganalisis kombinasi “padi–lalang”, “cempedak–nangka” dan “asam–garam” yang terkandung dalam peribahasa tersebut yang diambil daripada pangkalan data www.malaycivilization.com UKM. Pendekatan semantik inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang diaplikasikan dalam penganalisan data. Gabungan data, teori, falsafah dan budaya dapat menghasilkan huraian makna peribahasa Melayu yang akhirnya mencerminkan akal budi penuturnya. Hasil kajian mendapati gabungan “padi–lalang” dan “cempedak–nangka” menunjukkan dualisme yang berbentuk pertentangan, manakala gabungan “asam–garam” sebagai unsur pelengkap. Pelbagai ilmu dan falsafah yang tersirat dalam peribahasa Melayu berjaya dicungkil menerusi pendekatan semantik inkuisitif.

Kata kunci: elemen dualisme, peribahasa, akal budi Melayu, semantik inkuisitif,
Rangka Rujuk Silang

Abstract

This article attempts to identify elements of dualism through objects and image pairs found in Malay proverbs. Based on the collected data, there are 31 proverbs from 4359 Malay proverbs that contain elements of dualism. For instance, the combination of “padi–lalang” (lit. “rice plant–weeds”), “cempedak–nangka” (lit. “cempedak–jackfruit”) and “asam–garam” (lit. “sour–salty”) were taken from UKM’s www.malaycivilization.com database. Each example of these combinations was analysed. In analysing the data, the inquisitive semantics approach and the Cross-Reference Framework (Rangka Rujuk Silang) was employed. A combination of the data with theory, philosophy and culture finally yielded the true meanings of the Malay proverbs and ultimately reflect the Malay mind. The study found that the “paddy–weeds” and “cempedak–jackfruit” pairs indicate contradiction. On the other hand, the “sour–salty” pairing does not indicate contradiction but complementation. The inquisitive semantics approach is capable of revealing various aspects of wisdom and philosophy contained in Malay proverbs.

Keywords: dualism, Malay proverbs, Malay mind, inquisitive semantics, bridging cross references

PENDAHULUAN

Bangsa Melayu sangat terkenal sebagai bangsa yang berbudi bahasa dan bersopan santun. Semasa berkomunikasi, orang Melayu cenderung untuk menjaga tutur kata agar tidak menyinggung perasaan dan melukakan hati orang yang dilawan bicara. Oleh itu, kiasan seperti peribahasa dan pantun memainkan peranan untuk mewarnai suasana komunikasi. Peribahasa, iaitu susunan percakapan yang pendek, yang telah melekat di mulut orang ramai sejak turun-temurun, sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya, serta dipakai dan dijadikan sebutan oleh orang sebagai perbandingan, teladan, pengajaran dan iktibar (Za‘ba, 1965). Peribahasa juga terbit daripada pemerhatian dan pengalaman hidup rakyat jelata dan para cendekiawan (Sapinah, 2013) yang terkandung budi bahasa, falsafah, petua dan amanah, tunjuk ajar dan nilai agama, serta budaya dalam sesebuah masyarakat (Tenas Affendy, 2013).

Pengamatan terhadap pengalaman hidup menjadikan masyarakat Melayu pada masa lalu lebih peka terhadap persekitarannya sama ada yang bersifat positif atau negatif, bahkan yang bersifat natural atau duaan (yang lazim disebut sebagai dualisme). Menurut *Kamus Dewan* (2005), dualisme bermaksud “... keadaan apabila wujud dua sifat yang ketara dan saling bertentangan”. Dalam peribahasa Melayu,

konsep dualisme wujud berdasarkan penilaian orang Melayu pada masa lalu terhadap sifat dan tingkah laku orang di sekelilingnya, objek dan imej yang mereka lihat, rasa dan dengar, yang lazimnya bersumberkan alam. Contohnya, langit dan bumi, hitam dan putih, atau laut dan pantai. Oleh itu, kajian ini bertujuan mendedahkan dan menjelaskan elemen dualisme yang terdapat dalam beberapa peribahasa Melayu, khususnya yang menggunakan unsur padi dan lalang, cempedak dan nangka, serta asam dan garam sebagai objek pembayang melalui kaca mata semantik inkuisitif. Pendekatan ini digunakan bagi mencari jawapan terhadap persoalan yang timbul di sebalik objek berpasangan yang wujud dalam peribahasa Melayu dan seterusnya cuba meneroka akal budi Melayu dengan lebih jauh.

PENGAJIAN PERIBAHASA

Senario semasa menunjukkan bahawa peribahasa tidak lagi diminati oleh generasi pada hari ini. Kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah dan Junaini (2010), misalnya mencatatkan bahawa hampir 60 peratus remaja Malaysia tidak dapat menguasai (memahami) peribahasa dengan baik. Mereka gagal menyingkap makna yang terkandung dalam peribahasa, seperti falsafah hidup, persepsi, dan sebagainya (Ahmad Mahmood *et al.*, 2011). Hal ini berlaku kerana wujudnya anggapan bahawa peribahasa telah menjadi suatu bahasa klise yang digunakan dan dihafal oleh orang tua-tua sebagai bahan pidato dalam upacara adat (Djamaris, 1985). Namun, penelusuran ilmu mendapati telah banyak kajian yang berkisarkan bahasa kiasan, khususnya peribahasa sama ada oleh sarjana tempatan atau luar negara. Menerusi makalah ini, pengkaji membahagikan kajian lepas kepada tiga cabang, iaitu kajian yang berbentuk pengumpulan atau penyenaaran, kajian kognitif, serta kajian yang menghimpunkan kognitif dan akal budi sebagai dasar kajian.

Kajian yang bersifat pengumpulan pernah dilakukan oleh Abdullah Hassan (1993) dan Nathesan (1998). Kajian yang dilakukan oleh mereka dikelompokkan sebagai kajian dasar kerana kesemua kajian tersebut melihat makna harfiah peribahasa semata-mata. Selain itu, ketiga-tiga kajian dalam cakupan kajian ini dihuraikan tanpa menggunakan sebarang teori dan pendekatan tertentu. Dalam kajian jenis ini, pengkaji hanya mengklasifikasikan peribahasa, menumpukan aspek makna yang merangkumi domain makna, serta jenis makna dalam peribahasa.

Kajian Mohamad Radzi (1999), Charteris-Black (2003) dan Asmah (2005) pula tercakup dalam ruang lingkup kajian kognitif. Kajian ini telah mendedahkan unsur pemikiran dalam analisis yang dilakukan. Kajian Mohamad Radzi (1999),

misalnya telah menunjukkan bahawa masyarakat Melayu berjaya menjana pemikiran menggunakan unsur alam di sekeliling mereka untuk mencipta peribahasa dan simpulan bahasa yang mengandungi pelbagai nilai, aspirasi, kepercayaan dan pengetahuan. Ruang lingkup penelitian dalam kajian ini juga turut membincangkan perkaitan antara budaya dengan bahasa kiasan, seperti metafora berasaskan “hati” dan “kepala” yang dilakukan oleh Asmah (2005) dan metafora konseptual “kaki” yang telah dilakukan oleh Charteris-Black (2003).

Berbeza daripada kajian sebelum ini, fokus penelitian oleh Hassan Ahmad (2003), Lim (2002), Goddard (2009) dan Nor Hashimah (2014) dilihat telah membuat inovasi dalam kajian kognitif dengan menggabungkan konsep akal budi dalam kajian mereka. Kejayaan Hassan Ahmad (2003) menjelaskan “kaki” yang digunakan dalam metafora Melayu sebagai simbol kekuatan menunjukkan bahawa kajian pada peringkat ini lebih baik berbanding dengan kajian pada peringkat kognitif seperti yang dilakukan oleh Charteris-Black (2003) yang gagal memberikan sebab “kaki” dipilih dan bukannya “tangan” bagi menggambarkan kognitif Melayu. Kegagalan ini menunjukkan bahawa semantik kognitif juga gagal mencapai tafsiran makna tahap tertinggi sehingga membawa tafsiran akal budi Melayu. Ekoran kelompangan ini, Nor Hashimah (2014) telah memperkenalkan satu lagi tahap dalam penghuraian makna dalam bidang semantik, iaitu melalui pendekatan inkuisitif yang berjaya menjawab setiap persoalan yang wujud dan mampu menerobos sehingga ke peringkat falsafah dan akal budi.

Oleh itu, kajian ini secara umumnya bertujuan mengukuhkan kajian semantik inkuisitif dan seterusnya berusaha melihat kehebatan masyarakat Melayu pada masa lalu, yang bijak mencatur perkataan sehingga terbentuknya peribahasa yang mengandungi pelbagai falsafah dan akal budi yang tersembunyi seandainya diamati dengan teliti. Secara khusus, kajian ini bertujuan mengenal pasti elemen dualisme di sebalik objek berpasangan yang terdapat dalam peribahasa Melayu. Kajian juga bertujuan menganalisis dan menghuraikan hubungan imej dan objek yang mengandungi elemen dualisme berasaskan pendekatan semantik inkuisitif.

PENGUMPULAN DAN PENGANALISISAN DATA

Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan data sekunder, iaitu peribahasa Melayu yang diambil daripada pangkalan data *Malaycivilization* UKM (<http://www.malaycivilization.ukm.com>). Contoh peribahasa yang mengandungi unsur dualisme adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1.


Jadual 1 Peribahasa yang mengandungi unsur objek dualisme.

Peribahasa	Maksud
Menyisip padi dengan lalang .	Mencampurkan sesuatu yang buruk kepada yang baik, akhirnya yang baik itu jadi binasa.
Tanam padi tumbuh lalang , ayam ditambat disambar elang.	Nasib yang malang.
Jikalau kasihkan padi , buanglah lalang .	Jika kasih akan anak isteri, berhentilah daripada mengasihi orang lain.
Daripada cempedak baiklah nangka , daripada tidak baiklah ada.	Sedikit pun cukuplah daripada tidak ada langsung.
Takkan cempedak berbau nangka .	Hendaklah diselidiki sesuatu perkara itu dengan saksama lebih dahulu sebelum mempercayai percakapan orang.
Sudah banyak makan asam garam .	Banyak pengalaman.
Garam di laut, asam di gunung, bertemu dalam belanga juga.	Perempuan dan lelaki, kalau sudah jodoh, bertemu juga akhirnya.
Tahu asam garamnya .	Tahu selok-beloknya.

Berdasarkan contoh dalam Jadual 1 dijelaskan bahawa “padi–lalang” dikategorikan sebagai objek yang menggambarkan elemen dualisme kerana kedua-dua tumbuhan tersebut mempunyai persamaan rupa atau ciri fizikalnya, tetapi mempunyai fungsi atau peranan yang berbeza. Begitu juga dengan objek “padi–lalang”, “cempedak–nangka”, “asam–garam” dan beberapa bentuk lain. Persamaan bentuk atau perbezaan fungsi tiap-tiap objek tersebut tidak akan memberikan maksud dualisme sekiranya setiap satunya berdiri sendiri dalam peribahasa yang berbeza. Misalnya, “padi rebah, paksa tekukurlah” atau “di mana lalang habis, di situ api padam”. Bentuk dualisme muncul apabila kedua-dua objek tersebut berada dalam satu peribahasa yang sama. Hal ini pastinya menarik untuk ditelusuri dan diuraikan, sekali gus dapat mencungkil rahsia akal budi yang terkandung dalam peribahasa tersebut.


Berdasarkan pemilihan data yang dilakukan, 31 peribahasa dikenal pasti mengandungi elemen dualisme. Unsur ini kemudiannya dikumpulkan mengikut domain tertentu, seperti domain sifat, domain pengalaman dan domain nasib. Daripada 31 peribahasa yang dikenal pasti mengandungi elemen dualisme, sebanyak sembilan (29.0 peratus) peribahasa mengandungi kombinasi objek “asam–garam”, lapan (26.0 peratus) peribahasa mengandungi kombinasi “aur–tebing”, tujuh (23.0 peratus) peribahasa mengandungi kombinasi “padi–lalang”, lima (16.0 peratus)

peribahasa mengandung kombinasi objek “cempedak–nangka”, dan selebihnya, iaitu empat (13.0 peratus) mengandung kombinasi “buku–ruas”, empat (13.0 peratus), dan dua (6.0 peratus) peribahasa mengandung kombinasi “ubi–gadung”. Peratusan tersebut dipaparkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Kekerapan elemen dualisme dalam peribahasa.

Ruang lingkup kajian dihadkan kepada tiga kombinasi objek yang mencatatkan peratusan tertinggi sahaja, iaitu “asam–garam”, “padi–lalang” dan “cempedak–nangka”. Untuk tujuan perbincangan, hanya satu peribahasa yang berkaitan bagi tiap-tiap unsur dualisme dikemukakan. Makalah ini memanfaatkan pendekatan semantik inkuisitif, iaitu pendekatan yang berasaskan semangat ingin tahu, serta dorongan untuk terus meneroka dan mencari jawapan kepada perkara sebenar yang dimaksudkan oleh sesuatu ungkapan (Nor Hashimah, 2014). Semantik inkuisitif mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Bagi menghuraikan makna peribahasa dengan lebih lanjut, peribahasa berkaitan akan dianalisis menggunakan Rangka Rujuk Silang dalam teori relevans. Gabungan Rangka Rujuk Silang dengan maklumat budaya yang mendalam mampu menghasilkan penghuraian makna kiasan Melayu. Rajah 2 yang berikut menunjukkan carta aliran tahap yang terlibat dalam proses penganalisisan data menggunakan pendekatan semantik inkuisitif seperti yang dikemukakan oleh Nor Hashimah (2014).



Rajah 2 Aliran proses penganalisan data menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, penganalisan dipaparkan berdasarkan tiga tahap, iaitu tahap 1 memperincikan makna secara harfiah, diikuti oleh tahap 2 yang mengaplikasi Rangka Rujuk Silang bagi memahami kognitifnya dan mengaitkannya dengan falsafah. Selanjutnya, pada tahap 3 pula akan merungkaikan mengapakah persoalan ini dipilih dan dikaitkan dengan akal budi penuturnya.

1. Analisis Peribahasa “Padi–Lalang”

Dalam pergaulan sehari-hari, sering ditemukan penggunaan peribahasa “baik membawa resmi padi, daripada membawa resmi lalang” atau “ikutlah resmi padi, jangan ikut resmi lalang”. Kedua-dua peribahasa ini bermakna “tidak sombong” atau “merendah diri”. Berdasarkan makna harfiah yang terkandung dalam leksikal padi dan lalang dalam peribahasa tersebut, maka peribahasa ini dikelompokkan dalam domain “sifat”.

Analisis Tahap 1

Berdasarkan peribahasa tersebut, objek “padi–lalang” ialah objek perlambangan yang bersifat konkrit. Peribahasa “baik membawa resmi padi, daripada membawa resmi lalang” merupakan satu ungkapan yang mengandungi makna tersirat, serta mengetengahkan dualisme pertentangan antara dua sifat. Oleh sebab peribahasa ini memberikan gambaran tentang “sifat” seseorang, maka peribahasa ini dikelompokkan

dalam domain “sifat”. Secara harfiahnya, peribahasa ini ditakrifkan sebagai “tidak sombong dan merendah diri”. Pemberian makna secara harfiah ini berlaku pada tahap pertama sahaja dan masih bersifat permukaan. Peribahasa ini dilihat terzahir daripada maklumat latar belakang kedua-dua jenis tumbuhan padi dan lalang. Tanaman padi yang dalam bentuk visualnya sentiasa tunduk disebabkan buah padi yang banyak (Mangoendidjojo, 2003) disamakan dengan orang yang sentiasa tunduk kerana tidak sombong. Lalang yang selalu terlihat berdiri tegak pula disamakan dengan orang yang sombong atau angkuh. Keadaan ini menunjukkan bahawa penciptaan peribahasa tersebut didorong oleh persamaan situasi yang melatarinya.

Analisis Tahap 2

Analisis tidak terhenti pada peringkat permukaan sahaja. Setiap kata yang diungkapkan pasti mempunyai kewajarannya yang tersendiri. Begitu juga dengan peribahasa yang dicipta oleh masyarakat pada masa lalu. Selain menggunakan perlambangan melalui objek padi dan lalang, peribahasa ini juga menggunakan penceritaan latar belakang, iaitu dengan mengutarakan perbandingan antara sifat padi dengan lalang. Dalam hal ini, sifat yang dimaksudkan ialah sifat tumbuhan yang dijadikan perlambangan dan sifat manusia yang digambarkan dalam konteks makna secara harfiah. Pembuktian linguistik yang ditemui melalui data korpus turut menyerlahkan gandingan perumpamaan padi dan lalang yang berkonsepkan sifat ini seperti contoh yang berikut:

(i) Selama ini lalang dikenali sebagai tumbuhan perosak. Tidak berfaedah. Kita kalaupun sudah senang janganlah riak. Bercakap tentang lalang, saya teringat perumpamaan emak selalu menggunakannya. Katanya, ***jangan jadi seperti lalang yang sentiasa mendongak, jadilah seperti padi, semakin berisi semakin tunduk***

(Korpus DBP, *Sehelai Daun yang Gugur*, 2013)

Berdasarkan ayat (i), “seperti lalang yang sentiasa mendongak” tidak mempunyai anteseden yang nyata untuk merujuk makna sebenar ungkapan yang berbentuk nasihat. Namun, dengan mengaplikasikan Rangka Rujuk Silang, ungkapan tersebut dapat difahami dengan meneliti konteks ayat tersebut melalui premis tambahan yang dirujuk. Berdasarkan ayat tersebut, ungkapan ini berbentuk nasihat dan merujuk peribahasa “baik membawa resmi padi, daripada membawa resmi lalang”. Ungkapan yang mengandungi makna tersirat ini dapat difahami dengan merujuk silang premis

tambahan yang berada pada ayat sebelumnya, iaitu “kalau sudah senang, janganlah riak”. Jika diperhatikan, rujukan yang memberikan maklumat tambahan tersebut berlatarkan nasihat kepada individu supaya tidak riak walaupun sudah hidup senang. Frasa “kalau sudah senang, janganlah riak” menjadi premis tambahan kepada makna yang ingin disampaikan, iaitu mengembangkan konteks yang sedang dibicarakan. Kesan konteks yang tinggi dapat membantu merendahkan usaha memproses maklumat dan seterusnya ujaran itu relevan untuk diinterpretasikan. Berdasarkan teori relevan, untuk memahami ujaran yang mengandungi bahasa berkias, secara automatik minda pendengar akan tertumpu pada relevan yang optimum dan prosedur pemahaman teori relevan. Prosedur pemahaman teori relevan menggariskan setiap ujaran yang diucapkan mempunyai jangkaan tahap relevannya yang optimum dan tersendiri (Hawiyah, 2015). Berdasarkan konteks ayat (i), perkataan “senang” merujuk kehidupan yang mewah (*Kamus Dewan*, 2005), seperti padi yang menjadi sumber makanan sehari-hari. Dalam kehidupan, umumnya masyarakat mempunyai persepsi bahawa orang yang senang ialah orang yang mempunyai harta dan hidup dalam keadaan mewah. Perkataan “riak” yang digunakan dalam ayat (i) pula merujuk kata adjektif yang bersinonim dengan sifat angkuh, bongkak, congkak, pongah, sombong, bangga, takbur, tinggi diri dan besar diri (*Kamus Dewan*, 2005). Dalam konteks tumbuhan lalang, sifat ini disamakan dengan bunga lalang. Walaupun kelihatan cantik dan sentiasa tegak, namun hakikatnya tumbuhan ini tidak bernilai. Bentuk visual perbandingan tumbuhan padi dan lalang dapat dilihat melalui Foto 1.

Dari segi istilahnya, “riak” membawa pengertian “melakukan sesuatu bukan kerana Allah” (Anon, 2010). Maksud yang tersirat di sebalik sifat ini ialah keinginan seseorang untuk mendapatkan penghargaan daripada orang lain sehingga beroleh pangkat, kedudukan dan kebebasan. Riak dalam jiwa juga mempamerkan pengertian sifat “congkok” yang bermaksud “tegak” (*Kamus Dewan*, 2005). Oleh itu, lalang dalam peribahasa ini melambangkan “orang yang riak”. Hal ini adalah disebabkan wujudnya persamaan objek dan makna dalam ayat tersebut yang membawa konsep “tegak”. Sifat lalang yang mendongak (tegak) dianalogikan dengan sifat “riak” yang secara tersirat turut mengandungi konsep “tegak” dalam pencirian maknanya.

Perbandingan yang terdapat dalam peribahasa “baik membawa resmi padi, daripada membawa resmi lalang” juga adalah berdasarkan anatomi kedua-dua tumbuhan ini. Pada pandangan mata kasar, tumbuhan padi dan lalang mempunyai ciri fizikal dan rupa yang hampir sama, namun kedua-duanya berbeza dari segi fungsi dan kegunaannya. Padi merupakan sumber rezeki, manakala lalang dianggap sebagai tumbuhan perosak yang tidak berguna. Hubungan antara tumbuhan yang memberikan hasil dengan tumbuhan perosak menyebabkan masyarakat Melayu pada masa lalu menggandingkannya sebagai objek perbandingan. Sesuai dengan



Foto 1 Padi (*Oryza sativa*) dan lalang (*Imperata cylindrical*).

(Sumber: Koleksi peribadi pengkaji)

peranannya, padi disinonimkan dengan sifat positif, manakala lalang disinonimkan dengan sifat negatif.

Sifat menunduk padi yang menjadi cerminan kepada sifat “tidak sombong dan merendah diri” disebabkan oleh faktor anatomi semula jadi tumbuhan ini. Sewaktu padi menguning, malai padi menunduk dan berfungsi sebagai menyokong buah padi yang bernas. Buah padi yang masak menjadi berat dan menyebabkan pokok padi membengkok seolah-olah menunduk (Fransiska, Kacung dan Irwan, 2014). Pemerhatian masyarakat terhadap proses fisiologi tumbuhan padi telah mendorong penciptaan peribahasa bersumberkan padi sebagai perumpamaan. Oleh itu, sesuai dengan sifat “rendah” atau “tunduk” yang ditunjukkan oleh padi inilah menyebabkan masyarakat Melayu pada masa dahulu menjadikan resam tumbuhan ini sebagai ikutan yang menjurus kepada “sifat merendah diri”.

Analisis Tahap 3

Tahap berikutnya ialah tahap yang menyerlahkan akal budi masyarakat yang menuturkan peribahasa, iaitu masyarakat Melayu. Peribahasa “baik membawa resmi padi, daripada membawa resmi lalang” menunjukkan bahawa masyarakat Melayu pada masa lalu sangat peka terhadap hal yang berlaku di sekeliling mereka, terutama yang menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka sehari-hari. Sebagai pesawah,

mereka sentiasa peka dengan tanaman padi kerana sudah menjadi sumber rezeki. Tidak hairanlah jika tabiat tumbuhan padi dijadikan kias atau perbandingan ketika berbicara. Namun, mengapakah padi yang menjadi pilihan?

Padi bukan sekadar makanan ruji orang Melayu dan etnik Asia lainnya, tetapi bagi sesetengah kawasan, padi menjadi penyumbang kepada ekonomi keluarga dan negara. Kata orang, “ada padi semua jadi”. Berdasarkan peribahasa ini, sekali lagi padi dirujuk sebagai simbol kekayaan atau harta kerana padi mengandungi zat yang boleh menyihatkan tubuh badan. Dalam konteks ekonomi, tanaman padi merupakan sumber pendapatan keluarga dan negara. Berdasarkan fisiologi pertumbuhannya, sewaktu padi berbuah, tangkainya mula menunduk. Pokok padi akan terus menunduk apabila buah padi semakin membesar tetapi tidak sehingga rebah ke tanah. Walaupun memiliki batang yang kecil dan berongga, pokok padi yang terdiri daripada ruas kecil mampu untuk menopang buah padi daripada rebah ketika ditiup angin atau hujan. Keadaan ini berlaku kerana batang padi disokong oleh akar serabut dan akar seminal yang berfungsi untuk menyerap fosforus yang terkandung dalam baja yang sangat diperlukan oleh tanaman padi (Firmanto, 2011). Batang padi juga diperkuat oleh pelepahnya yang tumbuh pada setiap ruas. Batang padi berfungsi untuk menyerap air, mensenyawakan kimia dan menyimpan makanan yang diserap oleh akar untuk disalurkan ke bahagian lain. Keadaan ini membantu menguatkan batang padi agar tidak rebah. Kekurangan fosforus menyebabkan tumbesaran tanaman padi terencat dan daunnya berwarna ungu, sekali gus menyebabkan pokok padi tidak mampu menopang buah padi dengan baik. Sekiranya pokok padi rebah ke tanah, padi akan menjadi rosak dan menyebabkan kerugian yang besar.

Dalam konteks peribahasa “mengikut resmi padi semakin berisi semakin menunduk”, sifat padi yang menunduk dilihat oleh masyarakat Melayu sebagai lambang kerendahan hati dan tidak sombong. Namun, sifat merendah diri ini tidaklah sampai menjadikan seseorang itu mudah dihina oleh pihak lawan. Sifat rendah diri perlu disokong oleh asas kemahiran insaniah (*soft skill*) yang kukuh dalam diri individu, misalnya norma peribadi, kepedulian terhadap lingkungan, integriti, dan sebagainya. Kemahiran ini berkembang melalui proses semula jadi seperti tumbesaran, kematangan dan penuaan (Megat Aman Zahiri *et al.*, 2007). Kekuatan dalaman sangat diperlukan oleh seseorang untuk menangkis sebarang acaman dari luar.

Konsep “menunduk” dalam peribahasa ini bermaksud “merendahkan hati atau merendahkan diri dan tidak sombong”. Sifat ini merupakan cerminan ketulusan hati, tahu diri dan menghormati orang lain (Tenas, 2004). Dengan sifat rendah diri, orang Melayu akan dilihat sederhana dalam segala aspek. Sifat ini sangat bertentangan dengan sifat suka menunjuk-nunjuk atau sombong”, sedangkan

sifat ini pada hakikatnya tidak membawa sebarang kebaikan kepada orang lain. Berdasarkan pemerhatian terhadap alam sekeliling, masyarakat menyamakan sifat yang sedemikian dengan sifat lalang. Berdasarkan fisiologinya, lalang merupakan sejenis tanaman berumur panjang (*perennial plant*) yang boleh mencapai ketinggian hingga 130 cm, bertunas panjang, bersisik dan mempunyai pucuk yang meruncing tajam seperti duri (Anon, 2015). Bunganya cantik dan berbentuk malai dengan panjang mencapai hingga 28 cm. Sifat lalang sentiasa tegak mendongak meskipun tidak membawa apa-apa faedah menyebabkannya menjadi perbandingan kepada padi yang sifatnya sentiasa tunduk walaupun memiliki banyak kelebihan.

Hakikatnya, akal budi yang terselindung di sebalik perbandingan padi dan lalang ialah “jangan bermegah dengan apa-apa yang dimiliki”. Meskipun mempunyai harta, pangkat mahupun ilmu yang tinggi, seseorang itu hendaklah merendah diri dan tidak sombong kepada orang lain. Kata orang tua-tua, “siapa suka berlagak sombong, dadanya hampa kepalanya kosong” dan sebaliknya, orang yang mempunyai sifat rendah hati akan disanjung, dipuji dan dihormati oleh masyarakat. Sikap orang Melayu yang sedemikian diungkapkan oleh Tenas (2004) sebagai:

 Apa tanda Melayu jati, pantang baginya membesarkan diri.
 Apa tanda Melayu bertuah, berkata dengan merendah-rendah.
 Apa tanda Melayu berilmu, membesarkan diri ianya malu.

2. Analisis Peribahasa “Cempedak–Nangka”

Melalui data yang dikumpulkan melalui peribahasa gandingan cempedak dan nangka, pengkaji mendapati domain makna bagi peribahasa “cempedak–nangka” ialah domain sifat. Oleh itu, peribahasa “daripada cempedak baik nangka, daripada tidak baiklah ada” yang bermaksud “kalau tidak ada yang baik, yang kurang baik pun berguna” akan digunakan sebagai bahan perbincangan dan analisis.

Analisis Tahap 1

Pada peringkat ini, analisis dilakukan pada peringkat permukaan sahaja, iaitu memperincikan makna harfiah di sebalik peribahasa yang mempunyai makna tersirat. Berdasarkan contoh peribahasa tersebut, objek “cempedak–nangka” ialah objek perlambangan yang bersifat konkrit. Peribahasa tersebut bukan sekadar ungkapan yang mengandungi makna tersirat tetapi juga mengetengahkan dualisme pertentangan antara dua sifat, iaitu baik dan buruk atau kurang baik. Berdasarkan peribahasa dan maknanya, peribahasa ini menjelaskan kepentingan konsep “ada” berbanding dengan “tiada”. Walaupun peribahasa memerlukan keupayaan kognitif

untuk menghuraikan maknanya, namun dari segi strukturnya, hubungan peribahasa dan maknanya masih lagi bersesuaian dan berpadanan antara satu dengan yang lain.

Analisis Tahap 2

Peribahasa “daripada cempedak baik nangka” merupakan peribahasa yang tidak mempunyai antededen yang nyata untuk merujuk makna sebenar peribahasa ini. Berdasarkan penelitian, peribahasa ini, memperlihatkan wujudnya elemen dualisme dari segi pertentangan sifat “baik” dan “buruk” berdasarkan maknanya yang khusus. Secara harfiahnya, cempedak dan nangka ditakrifkan sebagai:

Jadual 2 Definisi cempedak dan nangka.

Entri	Makna
cempedak	Sejenis tumbuhan (pokok yang buahnya seperti nangka); <i>Artocarpus champeden</i> .
nangka	Sejenis tumbuhan (pokok) yang buahnya berulas-ulas dan boleh dimakan; <i>Artocarpus heterophyllus</i> .

Secara saintifiknya, buah cempedak dan nangka merupakan buah-buahan tropika daripada keluarga *Moraceae* (Zakaria, 1990). Berdasarkan bentuk fizikalnya, kedua-dua buah ini kelihatan hampir serupa tetapi dapat dibezakan dengan mudah sekiranya seseorang itu arif tentang buah-buahan tempatan. Pokok cempedak berketinggian 20 – 25 m dan batangnya lebih kecil daripada pokok nangka. Daunnya berbulu banyak dan lebih panjang, bunganya tersusun dalam tandan, buahnya bulat memanjang dengan kulit yang lebih halus berbanding dengan nangka. Buah nangka berukuran 20 – 45 cm panjang, berdiameter 10 – 20 cm dan beratnya mencapai empat kg. Baunya sangat kuat dan menusuk hidung, serta isinya manis, berserat dan mengandungi zat nutrisi yang tinggi, terutamanya vitamin A (Via Andani, Fitmawati dan Nery, 2015).

Unsur perbandingan yang mengetengahkan cempedak dan nangka sebagai objek perlambangan menunjukkan bahawa masyarakat Melayu pada masa dahulu memberikan darjah yang berbeza kepada kedua-dua buah ini. Hal ini terlihat menerusi peribahasa “daripada cempedak baik nangka” yang menunjukkan buah nangka lebih diharapkan kewujudannya berbanding dengan buah cempedak. Persoalannya, mengapakah nangka lebih mendominasi masyarakat Melayu? Berdasarkan analisis yang dibuat melalui tatacara yang diketengahkan oleh pendekatan semantik

inkuisitif, persoalan ini akan dapat dijawab, dan seterusnya menyerlahkan akal budi yang tersembunyi melalui peribahasa “cempedak–angka” yang telah dicipta pada masa lalu. Contohnya:

Kita tolak ke tepi dulu soal keikhlasan dan mutu penganjuran sayembara ini. Apa yang penting ialah setidak-tidaknya usaha telah dilakukan. Kata orang, *** daripada cempedak baiklah angka ***

(Korpus DBP, *Sastera dan Budaya*, 1999)

Dalam Rangka Rujuk Silang, pencarian makna bukan hanya merujuk peringkat leksikal atau frasa, tetapi membenarkan rujukan pada ujaran terdahulu atau ujaran selepasnya. Proses Rangka Rujuk Silang berlaku meskipun sesuatu ujaran itu tidak mempunyai anteseden tetapi pendengar dapat mentafsirkan makna ujaran tersebut dengan mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam satu wacana (Nor Hashimah, 1992). Dalam ayat (ii), pendengar mungkin mengekod konsep cempedak dan angka sebagai fokus untuk memahami makna peribahasa “daripada cempedak baiklah angka”. Hal ini dikatakan demikian kerana maklumat yang terdapat dalam entri ensiklopedia membekalkan maklumat tentang gambaran umum dan bentuk fizikal atau ciri khusus kedua-dua buah tersebut kepada pendengar. Pengekodaan pada peringkat kata mungkin tidak mencukupi membuatkan pendengar perlu mengekod peribahasa “daripada cempedak baiklah angka” dan diterjemahkan secara logik. Dalam konteks ayat (ii), maklumat tambahan seperti “tolak ke tepi dulu soal keikhlasan dan mutu penganjuran sayembara” dan “setidak-tidaknya usaha telah dilakukan” penting bagi membantu pendengar menginterpretasi maksud sebenar peribahasa yang hendak disampaikan. Maklumat tambahan yang ada pada ujaran sebelumnya memudahkan usaha memproses makna yang hendak disampaikan oleh penutur. Maksud peribahasa yang digambarkan melalui ayat (ii) adalah tentang “penganjuran sayembara”. Walaupun sayembara yang dianjurkan boleh dipertikaikan mutunya, namun sayembara tersebut tetap dianjurkan. Peribahasa “daripada tiada baiklah ada” ini bermaksud “kalau tidak ada yang baik, yang kurang baik pun berguna”. Berdasarkan analisis hubungan peribahasa dengan mesej, didapati angka dalam konteks ini merujuk “adanya” sayembara, manakala cempedak pula merujuk “tiada”. Perkara yang ditekankan ialah sifat “ada” meskipun tidak berkualiti seperti yang diharapkan.

Susunan peribahasa “baik cempedak daripada angka” jelas membandingkan kedua-dua jenis buah, iaitu angka dan cempedak, yang seolah-olahnya angka lebih baik sifatnya berbanding dengan cempedak. Persoalannya mengapakah masih memilih angka, walhal jika dilihat maksud yang tertera dalam konteks tersebut menggambarkan angka yang dipilih tidak berkualiti mutunya? Jawabannya kerana

masyarakat Melayu pada masa dahulu sudah meletakkan nangka pada kedudukan yang lebih baik sifatnya berbanding dengan cempedak. Hal ini dibuktikan melalui peribahasa “Tak kusangka cempedak jadi nangka” yang bermaksud “tak sangka mendapat yang lebih baik”. Berdasarkan peribahasa ini, nangka diberikan fitur sifat yang lebih baik jika dibandingkan dengan cempedak meskipun kedua-duanya merupakan rezeki.

Analisis Tahap 3

Melalui analisis kognitif yang ditunjukkan pada tahap kedua sebelum ini, terdapat persoalan yang boleh dibangkitkan. Berdasarkan peribahasa “daripada cempedak baik nangka” yang membandingkan antara kedua-dua buah ini, didapati masyarakat Melayu pada masa lalu meletakkan nangka pada kedudukan yang lebih tinggi berbanding dengan cempedak. Kedudukan nangka yang lebih mendominasi sifat “baik” berbanding dengan buah cempedak di mata masyarakat Melayu dianalisis menggunakan bantuan semantik inkuisitif. Sesuai dengan konsep lagu “Bangau Oh Bangau”, Nor Hashimah (2014) menekankan bahawa makna tersirat dalam bahasa Melayu seharusnya tidak berhenti setakat menghuraikan proses kognitif yang berlaku, tetapi seharusnya dapat meneroka ilmu dengan lebih jauh dan mendalam agar dapat menelusuri akal budi dan falsafah orang Melayu.

Walaupun secara biologinya kedua-dua buah ini dilihat hampir serupa dari segi luarannya, namun anatominya sungguh berbeza. Antara perbandingan yang ketara adalah dari segi musim buahnya. Musim berbuah untuk nangka lebih panjang berbanding dengan buah cempedak. Nangka dikategorikan sebagai buah yang tidak bermusim sedangkan cempedak merupakan tumbuhan yang bermusim (Zawiah dan Othaman, 2012). Kawasan yang mengalami dua musim kemarau yang nyata, biasanya mengalami kitaran musim buah dua kali setahun. Bagi yang mengalami kitaran musim sekali setahun, biasanya musim buah berlaku pada bulan Jun hingga Ogos (<http://jpn.penang.gov.my>).

Dari segi saiznya, buah nangka lebih besar berbanding dengan buah cempedak. Buah nangka boleh mencapai ukuran 30 cm hingga 90 cm panjang dan mencapai kelebaran 35 cm. Berdasarkan saiznya, nangka dapat dimakan oleh banyak orang berbanding dengan buah cempedak yang hanya boleh dinikmati oleh sekumpulan kecil sahaja. Tekstur isi nangka yang lebih tebal dan dikelilingi serabut kasar menjadikan nangka lebih tahan lama berbanding dengan isi cempedak yang bertekstur lembut (Zawiah dan Othaman, 2012). Ketika majlis kenduri pula, masyarakat Melayu di sesetengah tempat menghidangkan gulai atau rendang nangka muda dan bukannya cempedak untuk tetamu.

Selain itu, buah nangka juga mempunyai keistimewaannya yang tersendiri dari segi perubatan, khususnya perubatan tradisional. Menurut Rex (1979), buah nangka mengandungi fitonutrien seperti lignan, isoflavon dan saponin mampu menjadi antibarah dan melindungi tubuh daripada sel barah. Daun nangka yang dibakar sehingga menjadi abu dan dicampur dengan minyak kelapa boleh digunakan dalam perubatan tradisional untuk merawat bisul dan luka. Daun nangka yang berwarna kuning, jika diembunkan dan diramas, serta dijadikan pencuci muka, berkhasiat untuk mengatasi masalah kulit muka seperti jerawat. Air rebusan akar nangka yang dikeringkan mampu bertindak sebagai penguat tulang, membantu rawatan penyakit asma, menghentikan cirit-birit dan meredakan demam panas (Musa, Azimah dan Zaharah, 2011).

Kajian juga mendapati bahawa biji nangka berpotensi untuk menjadi sumber karbohidrat yang baik (Sairin *et al.*, 2010). Secara kimia, pati biji nangka merupakan suatu polisakarida $(C_6H_{10}O_5)_n$. Pati biji buah nangka sukar larut di dalam air sejuk, tetapi di dalam air panas, pati akan menyerap air dan akhirnya membentuk pes pati biji nangka yang tinggi kandungan karbohidratnya. Oleh sebab banyaknya kegunaan buah nangka, maka masyarakat Melayu memilih nangka berbanding dengan cempedak.

3. Analisis Peribahasa “Asam–Garam”

Penganalisan data peribahasa yang telah dipilih mendapati bahawa unsur dualisme bagi elemen asam dan garam cenderung mendominasi makna “pengalaman”. Untuk tujuan perbincangan, pengkaji mengemukakan peribahasa “asam garam” yang membawa maksud “pengalaman hidup” untuk dianalisis.

Analisis Tahap 1

Secara harfiahnya, peribahasa “asam garam” membawa maksud “pengalaman hidup”. Dalam peribahasa ini, leksikal atau objek “garam” berkolokasi dengan leksikal asam di hadapannya yang membentuk peribahasa asam garam. Peribahasa ini turut mengetengahkan elemen dualisme kerana kedua-dua objek perlambangan terdiri daripada dua unsur yang berbeza. Peribahasa asam garam ini berkisarkan perihal seseorang yang mempunyai pengalaman dalam kehidupan. Jadual 3 merupakan takrifan harfiah asam dan garam menurut *Kamus Dewan* (2005).

Jadual 3 Makna asam dan garam.

Entri	Makna
asam	1. segala sesuatu yg masam rasanya: dia suka benar makan ~; 2. berasa spt rasa cuka, masam (spt rasa mangga muda).
garam	1. bahan pepejal berwarna putih dan masin rasanya, yang diperoleh daripada air laut atau dari dalam tanah dan mempunyai banyak kegunaan (termasuk sebagai perasa dan pengawet makanan), natrium klorida; 2. (Kim) sebatian kimia yang diperoleh daripada tindakan asid atas logam; 3. sj pupuk.

Analisis Tahap 2

Jika ditinjau dari segi penggunaannya, kombinasi asam dan garam sangat sinonim dengan masyarakat Melayu, terutamanya dalam dunia masakan. Masyarakat Melayu lazimnya menggunakan asam gelugur (*Garcinia atnoviridis griff*) dan asam jawa (*Tamarindus indica*) dalam ramuan masakannya. Ramuan asam dalam masakan sering kali dijumpai dalam masakan asam pedas, singgang, masak lemak cili padi, laksa, dan sebagainya (Junaini, 2015). Begitu juga dengan garam. Masyarakat Melayu mempunyai banyak petua tentang garam. Berdasarkan Jadual 3, pentakrifan asam dan garam dibezakan oleh elemen rasanya. Sesuai dengan namanya, asam yang sinonim dengan rasa masam, manakala garam pula sinonim dengan rasa masin. Walaupun kedua-duanya memberikan rasa yang berbeza kepada deria, tetapi penggunaannya sama kerana berperanan sebagai perasa dan penyedap makanan dalam masakan masyarakat Melayu. Pembuktian linguistik yang ditemui melalui data korpus turut menyerlahkan penggunaan kombinasi asam dan garam yang berkonsepkan pengalaman. Yang berikut ialah contoh peribahasa dalam data korpus yang bersumberkan asam dan garam yang menyerlahkan pengalaman sebagai teras maknanya.

(iii) Namun, bagi wanita yang pernah menjalani pembedahan barah di perut dan kini menghidap gastrik, kesusahan dialaminya sejak kematian suami lebih 20 tahun lalu sudah menjadi ***asam garam*** kehidupan.

(Korpus DBP, *Nasional*, 2000)

Peribahasa “asam garam” tidak mempunyai anteseden yang membolehkan peribahasa tersebut difahami. Namun, dengan memahami konteks ayat tersebut, peribahasa yang mempunyai makna tersirat boleh difahami dan dijelaskan dengan meneliti premis tambahan. Premis tambahan berperanan membantu mengaitkan konteks

dengan maksud peribahasa. Berdasarkan ayat (iii), ungkapan “pernah menjalani pembedahan barah di perut, kini menghidap gastrik, kesusahan dialaminya sejak kematian suami lebih 20 tahun” menjadi premis tambahan yang dirujusilangkan dengan peribahasa “asam garam” bagi menginterpretasi maksud tersirat peribahasa ini. Berdasarkan konteks, barah dan gastrik merupakan sejenis penyakit yang memudaratkan kesihatan. Maklumat kedua-dua penyakit ini terpapar dalam entri ensiklopedia, dan seterusnya memberikan gambaran umum terhadap kedua-dua jenis penyakit ini. Dalam konteks ayat (iii), wanita tersebut telah menempuh dan merasai pelbagai dugaan dalam hidup dari dulu hingga kini. Seseorang yang telah menjalani pembedahan, ditambah pula dengan sakit yang sedang dihidapinya (gastrik) pasti menjadi satu cabaran yang sangat getir untuk menjalani kehidupan. Cabaran yang ditempuh bukan sekadar dugaan sakit, malah menghadapi kesusahan dalam hidup sebagai seorang ibu tunggal setelah kematian suaminya 20 tahun yang lalu. Jika dilihat dari segi tempoh masanya, 20 tahun bukanlah suatu tempoh masa yang singkat untuk menjalani kehidupan. Pelbagai kesusahan yang ditempuhnya menjadikan tempoh tersebut dirasakan lebih panjang. Maklumat tambahan ini membantu mengukuhkan lagi kesan kognitif penutur. Mengikut teori relevans, pengukuhan merupakan salah satu ciri penting untuk meningkatkan kesan kognitif dan sekali gus memudahkan pemprosesan maklumat. Berdasarkan konteks dalam ayat (iii), “asam garam” berkaitan dengan konteks merasai, iaitu merasai kesusahan hidup dan diuji dengan penyakit.

Analisis Tahap 3

Mengapakah “asam garam” diberikan takrifan pengalaman oleh masyarakat pada masa dahulu? Mengapakah rasa masam dan masin ini menjadikan inti pati “merasai” pengalaman seperti yang dibincangkan dalam ruangan analisis sebelum ini? Berdasarkan tatacara semantik inkuisitif, persoalan demi persoalan adalah untuk mengetengahkan falsafah dan akal budi penciptanya. Menurut Asad (2015), gandingan asam dan garam dalam peribahasa Melayu adalah disebabkan oleh faktor tempat asal kedua-dua objek tersebut, iaitu satu dari darat dan satu dari laut. Sifat yang pertama, ialah darat dan laut. Pokok asam lazimnya tumbuh di kawasan bukit, manakala garam diperolehi dari laut. Kedua-dua objek berada pada kedudukan yang berbeza, iaitu asam di tempat yang tinggi, manakala garam di tempat yang rendah. Kajian Nur Afiqah dan Nor Hashimah (2015) mengaitkan asam dengan kandungan unsur sejuk, manakala garam pula mengandungi unsur panas yang menyebabkan gandingan kedua-dua objek ini berperanan saling melengkapi

antara satu dengan yang lain. Peribahasa yang menggabungkan kedua-dua objek ini menyerlahkan konsep pelengkap yang dibina daripada keserasian antara dua alam yang berbeza. Melihat kejadian tersebut, penciptaan peribahasa “asam garam” didorong oleh konsep “pengetahuan”, iaitu pemerolehan “sesuatu” dari jarak rendah ke jarak yang tinggi.

Secara umumnya, terdapat pelbagai jenis asam di Alam Melayu. Antaranya termasuklah asam gelugur, asam jawa, asam kandis, asam sunti, asam kuning, asam kundang, asam belanda, asam patikala, belimbing buluh, lemon dan pelbagai jenis limau. Buah asam biasanya tumbuh di kawasan yang mempunyai ketinggian sekitar 1000 m dari aras laut (Junaini, 2015). Menyentuh soal garam pula, garam yang digunakan untuk menambah perisa ke dalam makanan biasanya diperoleh dari air laut atau simpanan batu. Sumber natrium yang utama ialah garam dapur (natrium klorida) penting untuk kehidupan manusia dan haiwan dalam kuantiti kecil, namun berbahaya jika berlebihan. Kedudukan garam di tempat yang rendah (di dalam laut) dan kedudukan asam yang tinggi (1000 m dari paras laut) menjadi sebab masyarakat Melayu memberikan konsep “pengalaman” bagi gandingan peribahasa asam dan garam. Segala yang “diperoleh” hasil jarak dari atas ke bawah mahupun kedudukan dari bawah ke atas dianggap sebagai “pengalaman” yang ditempuh.

Selain itu, kombinasi antara asam dengan garam didapati bermanfaat dalam dunia perubatan. Walaupun terdapat pertentangan unsur sejuk dan panas bagi kedua-dua objek ini, namun kombinasi antara kedua-duanya boleh dianggap sebagai saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Kewujudan asam mampu menjadi “pelengkap” kepada garam dalam perubatan, khususnya rawatan tradisional. Dalam diet manusia, garam tergolong dalam kelompok mikro nutrien, iaitu nutrien yang diperlukan dalam jumlah yang sedikit kerana jika terkurang atau terlebih akan menyebabkan penyakit meskipun garam membekalkan mineral sodium kepada manusia (Mohd. Hamim, Baharudin dan Suhaina, 2015). Tubuh badan menggunakan garam untuk menggerakkan semua fungsi keperluan seharian. Berdasarkan keperluan, tubuh manusia sebenarnya memerlukan lebih kurang satu hingga dua sudu garam sehari. Untuk menjaga keseimbangan natrium, seseorang itu perlu mengambil kurang daripada 200 mg garam sehari kerana jumlah natrium yang diperlukan oleh tubuh dianggarkan serendah 40 mg hingga 185 mg sehari.

Jelasnya, masyarakat Melayu pada masa dahulu mempunyai pengamatan yang jitu terhadap sesuatu kejadian. Jarak daripada kedudukan yang rendah kepada kedudukan yang tinggi dan kedudukan yang tinggi kepada yang rendah diamati sebagai “pengalaman” oleh masyarakat Melayu dahulu. Segala yang “diperoleh” sepanjang perjalanan menuju destinasi sama ada dari atas ke bawah, mahupun dari bawah ke atas dianggap sebagai pengalaman.

IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN

Setelah melakukan analisis dengan bantuan semantik inkuisitif, kajian ini berjaya mencapai objektifnya, iaitu mengetengahkan konsep dualisme berdasarkan objek perlambangan padi–lalang, cempedak–nangka, serta asam–garam, dan seterusnya menghuraikan akal budi Melayu. Berdasarkan analisis yang dilakukan, peribahasa “padi–lalang” dan “cempedak–nangka” menunjukkan unsur pertentangan. Begitu juga dengan gabungan padi dan lalang dalam peribahasa mengandungi unsur pertentangan sifat. Sifat padi yang “menunduk” telah menjadi ikutan masyarakat Melayu dan diperikan sebagai sifat “merendah diri” dalam peribahasa. Sifat lalang didapati berbeza daripada sifat padi. Sifat lalang yang “mendongak” menyebabkan masyarakat memberikan tafsiran “sombong” kepada tumbuhan ini dalam peribahasa. Hasil pertentangan dualisme ini bukan sahaja ditunjukkan melalui gabungan objek padi–lalang sahaja, tetapi turut ditemui melalui gabungan cempedak–nangka. Pertentangan sifat bagi kedua-dua tumbuhan ini bukan sahaja terzahir daripada makna harfiahnya sahaja tetapi cukup jelas dilihat melalui struktur ayat dalam peribahasa. Peribahasa “daripada cempedak baik nangka” menunjukkan bahawa masyarakat Melayu memberikan nilai yang tinggi kepada buah nangka berbanding dengan buah cempedak. Walau bagaimanapun, keadaan ini berlainan dengan kombinasi objek “asam–garam” yang dilihat bersifat sebagai pelengkap. Walaupun pada dasarnya terdapat pertentangan sifat semula jadi antara kedua-dua objek ini, namun gabungan antara kedua-duanya menunjukkan hubungan yang saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Kedudukannya berbeza antara laut dengan darat, tetapi kegunaannya sama sebagai perasa dalam makanan menyebabkan masyarakat Melayu pada masa dahulu mentafsirkannya sebagai pengalaman. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa meskipun terdapat elemen dualisme di sebalik gabungan objek tersebut, namun semuanya mempunyai kewajaran yang tersendiri. Penciptaan peribahasa oleh masyarakat pada masa dahulu bukan disebabkan unsur keindahannya semata-mata, tetapi sebaliknya dicipta berdasarkan pengamatan dan pengalaman generasi penciptanya sehingga wujudnya falsafah dan akal budinya yang tersendiri.

KESIMPULAN

Kepintaran dan kefahaman masyarakat Melayu meluahkan kata-kata melalui janaan idea bersumberkan sesuatu yang ada di sekeliling mereka dibuktikan dengan kewujudan beribu-ribu ungkapan peribahasa. Kekreatifan masyarakat Melayu dalam berbahasa menunjukkan bahawa akal budi Melayu yang sangat tinggi. Mereka juga cekap dalam usaha memahami kandungan atau sifat sesuatu benda. Semangat ingin tahu dan dorongan untuk terus meneroka bagi mencari jawapan kepada sesuatu ungkapan yang menjadi ciri inkuisitif membuatkan pendekatan semantik inkuisitif

yang digunakan mampu menyelami makna peribahasa Melayu sehingga ke peringkat akal budi Melayu. Jelasnya, peribahasa yang dicipta oleh masyarakat Melayu dahulu bukanlah sekadar ungkapan kosong yang menarik, tetapi sebaliknya tersembunyi ilmu dan falsafah yang tinggi seandainya diamatinya dengan teliti dan sedalam-dalamnya.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, "Bahasa Kiasan" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 37:10, hlm. 907–13, 1993.
- Ahmad Mahmood, Zaitul Azma, Nor Azuwan dan Norizan, 2011. "Pengetahuan Makna Peribahasa dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah" dlm. *Jurnal Linguistik* 13, hlm. 1–16, 2011.
- Asad Mohamad, 2015. "Peribahasa Garam dan Akal Budi Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif". Tesis Sarjana. Program Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anon, 2010. "Kerja Sukarela: Fahaman Islam Perlu Diperluas". <http://www.ikim.gov.my/index.php/en/artikel/7126-kerja-sukarela-fahaman-islam-perlu-diperluas> (Capaian pada 1 Jun 2016).
- Anon, 2015. "Klasifikasi dan Morfologi Tananaman Ilalang". <http://www.materipertanian.com/klasifikasi-dan-ciri-ciri-morfologi-ilalang> (Capaian pada 15 Mei 2016).
- Asmah Hj. Omar, "Budaya dan Bahasa Kiasan" dlm. *Jurnal Peradaban Melayu* 3, 25 April 2011 dlm. penerbit.upsi.edu.my/website_ejurnal/jurnal%20site/.bab1.htm (Capaian pada 15 April 2015).
- Charteris-Black, J., 2003. "A Contrastive Cognitive Perspective on Malay and English Figurative Language" dlm. K. M. Jaszczolt dan K. Turner (ed.). *Meaning Through Language Contrast. Pragmatics and Beyond New Series 99*. Amsterdam and Philadelphia: John Benjamin.
- Djamaris Edward, "Memahami dan Menghargai Peribahasa" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 29:5, hlm. 338–44, 1985.
- Firmanto, B. H., 2011. *Sukses Bertanam Padi Secara Organik*. Bandung: Angkasa.
- Fransiska Yanti, Kacung Hariyono dan Irwan Sadiman, 2014. *Aplikasi Konsorsium Bakteri terhadap Pertumbuhan dan Hasil pada Beberapa Varietas Padi*. <http://repository.unej.ac.id/bitstream/handle/123456789/69210/FRANSISKA%20YANTI.pdf?sequence=1> (Capaian pada 29 April 2016).
- Goddard, C., 2009. "Like a Crab Teaching Its Young to Walk Straight" dlm. Senft, G. dan Basso, E. B. (ed.). *Ritual Communication*. London: Bloomsbury Publishers, hlm. 103–19.
- Hassan Ahmad, 2001. *Bahasa Melayu sebagai Teras Peradaban Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad, 2003. *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Siri Monograf Akademi Kajian Ketamadunan. Bangi.

- Akademi Kajian Ketamadunan.
- Hawiyah Baba, 2015. *"Bahasa Berkias dan Nilai Melayu: Analisis Pragmatik"*. Tesis PhD. Program Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Pertanian Pulau Pinang, 2013. "Tanaman Buah-buahan Cempedak". <http://jpn.penang.gov.my/> (Capaian pada 1 Jun 2016).
- Junaini Kasdan, 2015. "Unsur Asam dan Akal Budi Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif". Kertas kerja dalam Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu IX 2015, Universiti Putra Malaysia, 3–4 November 2015.
- Kamus Dewan*, 2005. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Peribahasa Melayu*, 2013. Sapinah Haji Said (ed.). Johor Bahru: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka*. sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/.
- Lim Kim Hui, 2002. *"Budi as the Malay Mind: A Philosophical Study of Malay Ways of Reasoning and Emotion in Peribahasa"*. Disertasi PhD. Department of Austronesian Studies, Faculty of Oriental Studies, University of Hamburg, Germany. <http://www.sabrizain.org/malaya/library/budi.pdf> (Capaian pada 2 Februari 2016).
- "Malay Concordance Project". mcp.anu.edu.au/
- Mangoendidjojo, W., 2003. *Dasar-dasar Pemuliaan Tanaman*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Megat Aman Zahiri Megat Zakaria, Baharudin Aris, Jamaluddin Harun dan Mohd. Zolkifli Abd. Hamid, 2007. "Hubungan antara Kemahiran Generik dengan Jantina, Pengkhususan dan Pencapaian Guru-guru Pelatih UTM: Satu Tinjauan". Kertas kerja dalam Seminar Penyelidikan Pendidikan 2007. Kuching, Sarawak, 5–6 September 2007.
- Mohamad Radzi Salleh, 1999. *Peribahasa dalam Masyarakat Melayu: Satu Analisis Pemikiran dan Cerminan Falsafah*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd. Koharuddin Mohd. Balwi, "Budaya Perniagaan dan Perdagangan Melayu dalam Teks Melayu" dlm. *Jurnal Pengajian Melayu* 15, hlm. 52–72, 2005.
- Mohd. Hamim Rajikin, Baharudin Omar dan Suhaina Sulaiman, 2015. *Pemakanan dan Kesihatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Musa Yaacob, Azimah dan Zaharah, 2011. *Tumbuhan Ubatan Popular Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia.
- Nathesan, S. "Simpulan Bahasa: Satu Tinjauan dari Sudut Makna" dlm. *Dewan Bahasa*, November 1998, hlm. 985–94.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan Ringkas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan, "Remaja dan Peribahasa Melayu" dlm. *Jurnal Linguistik* 10:1, 2010.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2014. *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Afiqah Wan Mansor dan Nor Hashimah Jalaluddin, "Deria Rasa dalam Kiasan Melayu:

- Analisis Semantik Inkuisitif” dlm. *Mahawangsa* 2:1, hlm. 1–16, 2015.
- Rex Adams, 1979. *Miracle Medicine Foods*. New York: Parker Publishing Company.
- Sairin Fairus, Haryono, Agrithia Mirantheni dan Aris Aprianto, 2010. “Pengaruh Konsentrasi HCL dan Waktu Hidrolisis terhadap Perolehan Glukosa yang Dihasilkan dari Pati Biji Nangka”. Kertas kerja dalam Seminar Nasional Teknik Kimia “Kejuangan” (ISSN 1693–4393) Pengembangan Teknologi Kimia untuk Pengolahan Sumber Daya Alam. Indonesia Yogyakarta, 26 Januari 2010. <http://repository.upnyk.ac.id/558/1/22.pdf> (Capaian pada 12 Julai 2016).
- Tenas Effendy, 2004. *Tunjuk Ajar Melayu*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu.
- Tenas Affendy, 2013. *Kearifan Pemikiran Orang Melayu*. Riau: Tenas Effendy Foundation.
- Via Andani, Fitmawati dan Nery Sofiyanti, 2015. “Analisis Hubungan Kekerbatan Cempedak Berdasarkan Penanda Morfologi di Kabupaten Kampar Provinsi Riau” dlm. *JOM FMIPA* 2:1, Februari 2015. <http://jom.unri.ac.id/index.php/JOMFMIPA/article/viewFile/4483/4367> (Capaian pada 12 Julai 2016).
- www.malaycivilization.ukm.com.
- Za‘ba, 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria Abdullah, 1990. *Pokok Buah-buahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pam Publishing.
- Zakaria Abdullah, 2010. “Maksud Riak yang Selalu Orang Salah Faham”. <http://mysuperkids.net/maksud-riak-yang-selalu-salah-faham/> (Capaian pada 20 Mei 2016).
- Zakaria Abdullah, 2015. “Klasifikasi dan Ciri-ciri Morfologi Padi (*Oryza Sativa*)”. <http://www.materipertanian.com/> (Capaian pada 20 Julai 2016).
- Zawiah Ngah dan Othaman Hasin, 2012. *99 Spesies Buah di FRIM*. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.

Diperoleh (*Received*): 30 Ogos 2016

Diterima (*Accepted*): 15 September 2016